

## **Tahap Kepuasan Guru-Guru Pelatih Terhadap Guru-Guru Pembimbing Semasa Menjalani Latihan Mengajar**

Mahyuddin B. Arsat & Mardiyah Bt Jamaluddin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Bimbingan merupakan unsur yang terpenting dalam latihan mengajar untuk memastikan objektif latihan mengajar dapat dicapai. Guru bertanggungjawab untuk menilai dan memberi bimbingan kepada pelatih. Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Tumpuan kajian ini ialah mengenal pasti tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap bimbingan, penilaian, kerjasama dan sikap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Kajian ini merupakan satu tinjauan menerusi soal selidik dan temubual ke atas pelajar Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai. Data mentah dianalisis menggunakan perisian SPSS 11.5 untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia telah menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap bimbingan, penilaian dan sikap yang ditunjukkan oleh guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Faktor kerjasama yang diberikan oleh guru pembimbing mempunyai permasalahan yang perlu dilihat dan diperbaiki. Melalui kajian ini, beberapa tindakan boleh diambil untuk meningkatkan tahap kepuasan di kalangan guru pelatih seperti mewujudkan hubungan yang baik di antara guru pembimbing dan guru pelatih. Di samping itu, perbincangan patut diadakan bagi meningkatkan lagi mutu latihan mengajar.

*Katakunci* : tahap kepuasan guru pelatih, guru pembimbing, latihan mengajar

### **Pengenalan**

Guru umpama pelita. Itulah ungkapan yang sering didengar. Namun untuk melahirkan bakal guru bukanlah perkara mudah. Dengan erti kata lain guru boleh dilahirkan dan bukan dididik. Sekiranya pendapat-pendapat ini diterima, pastinya seseorang guru itu bergantung sepenuhnya kepada bakat yang sedia ada padanya dan tidak perlu dididik untuk menjadi guru. Sudah pasti kita tidak memerlukan program pendidikan guru untuk melahirkan guru yang berkualiti dan bermutu. Disamping itu pasti juga pihak kerajaan tidak perlu melabur dengan banyak untuk menubuhkan pelbagai institusi-institusi pengajian, maktab-maktab perguruan bagi melahirkan bakal pendidik yang lebih berkualiti.

Pendidikan boleh diibaratkan sebagai kunci kepada usaha membangunkan masyarakat dan negara. Masyarakat yang terdidik secara menyeluruh dan seimbang yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara adalah produk daripada pendidikan berkualiti yang selaras dengan keperluan negara dan kehendak semasa (Mohammed Nor, 1990).

Dengan perkembangan ilmu yang begitu pesat, pendidikan yang bertambah kompleks, bilangan sekolah dan murid yang bertambah, maka pertambahan guru yang lebih ramai dan berkecukupan amatlah diperlukan. Disebabkan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan seseorang yang hendak menjadi guru perlulah mengikuti kursus perguruan sebelum mereka diserapkan sebagai guru terlatih di sekolah-sekolah (Hussein, 1993).

Rahman (1994) menegaskan bahawa kursus perguruan adalah bertujuan melahirkan guru yang mahir dan cekap mengajar di sekolah-sekolah. Ketika mengikuti kursus perguruan, bakal-

bakal guru atau lebih dikenali sebagai guru pelatih didedahkan kepada komponen ikhtisas dengan tujuan menambah pengetahuan dan kemahiran pengajaran, komponen akademik untuk meluaskan dan menguatkan pengetahuan akademik dalam pengkhususan mereka dan penyuburan diri untuk menjadi guru yang kreatif, produktif serta berpandangan jauh. Di samping itu mereka juga akan didedahkan pada alam persekolahan yang sebenar dengan mengikuti latihan mengajar.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan guru-guru pelatih PTK UTM terhadap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Sejauhmanakah tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap bimbingan, penilaian, kerjasama, dan sikap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Adakah guru-guru pembimbing benar-benar membimbing guru-guru pelatih dalam persediaan mengajar, pengurusan guru-guru pelatih, perhubungan dan personaliti guru pelatih ketika menjalani latihan mengajar.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk menilai dan mengenal pasti persepsi guru pembimbing terhadap guru pelatih UTM ketika menjalani latihan mengajar agar tindakan susulan dapat diambil bagi membantu guru-guru pelatih memperoleh tujuan latihan mengajar yang sebenar. Objektif kajian tersebut ialah :-

1. Mengetahui tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap bimbingan guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.
2. Mengetahui tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap penilaian guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.
3. Mengetahui tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap kerjasama yang diberikan oleh guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.
4. Mengetahui tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap sikap yang ditunjukkan oleh guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan guru-guru pelatih PTK UTM terhadap guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. Kepentingan ini mempunyai kepada :-

**Guru Pelatih :** Guru pelatih UTM mendapat maklumbalas berkenaan prestasi mereka sepanjang tempoh latihan mengajar dari perspektif yang berbeza. Mereka dapat mengetahui kelemahan yang perlu diperbaiki sebelum menjadi guru yang sebenar pada masa akan datang. Oleh itu guru-guru pelatih boleh memperbaiki kelemahan dan seterusnya mempertingkatkan lagi personaliti, strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

**Guru Pembimbing :** Guru-guru pembimbing yang menyelia guru-guru pelatih dapat memahami keadaan dan keinginan guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar supaya dapat melaksanakan dan menyempurnakan tempoh latihan dengan jayanya.

**Fakulti pendidikan UTM :** Dengan maklumbalas yang diperolehi dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan, UTM dalam menjamin kelancaran program latihan mengajar seterusnya mempertingkatkan lagi mutu latihan perguruan.

## **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif iaitu dalam bentuk tinjauan dan temubual bagi mengukuhkan lagi hasil kajian. Menurut Najib (1999), kajian tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku.

Kajian ini melibatkan pengumpulan data deskriptif iaitu mengkaji mengenai latar belakang responden dan mengenalpasti tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah. Dalam kajian ini, gambaran pelbagai perkaitan mengenai tahap penguasaan guru-guru pelatih dari pelbagai aspek penilaian berdasarkan beberapa persoalan kajian akan dikaji. Hasil daripada kajian ini, diharap penyelidik dapat mengenalpasti tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.

## **Sampel Kajian**

Sampel kajian adalah terdiri daripada semua para pelajar tahun 4 jurusan Teknikal dan Kejuruteraan yang telah tamat latihan mengajar pada tahun 2007/08. Jumlah pelajar telah mengikuti latihan mengajar seperti jadual di bawah. Jumlah responden yang diperlukan adalah berbanding kepada jadual Krejcie, R.V dan Morgan D.W. Dari jumlah populasi yang di bawah, maka jumlah sampel yang akan digunakan ialah seramai 113 orang sahaja. Ini kerana pelajar tahun 4SPA telah diasingkan dan digunakan sebagai kajian rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaan item soal selidik dan temubual. Dalam bahagian temubual pula seramai 20 orang digunakan sebagai sampel kajian yang dipilih secara rawak dari kelas 4SPE, 4SPJ dan 4SPH.

***Jadual 1: Jumlah Bilangan Pelajar Yang Mengikuti Latihan Mengajar Pada Sesi 2007/08***

| <b>KURSUS</b> | <b>BIL. PELAJAR</b> |
|---------------|---------------------|
| 4 SPA         | 16                  |
| 4 SPE         | 24                  |
| 4 SPJ         | 17                  |
| 4 SPH         | 123                 |
| <b>JUMLAH</b> | <b>180</b>          |

***Jadual 2: Jumlah sampel kajian***

| <b>KURSUS</b> | <b>BIL. PELAJAR</b> |
|---------------|---------------------|
| 4 SPE         | 24                  |
| 4 SPJ         | 17                  |
| 4 SPH         | 123                 |
| <b>JUMLAH</b> | <b>164</b>          |

Sumber : Universiti Teknologi Malaysia, Penyelaras Latihan Mengajar.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah berbentuk boring soal selidik dan sesi temubual. Menurut Skager dan Weinberg (1973), soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini kerjasama daripada responden adalah mudah diperolehi.

Menurut Mohd Majid (1998), soal selidik lebih teratur, jelas dan sesuai dengan kajian yang mempunyai subjek yang jauh di antara satu sama lain dan seterusnya dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga untuk pengumpulan data. Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian.

Namun begitu dalam tajuk yang dikaji ini perlukan instrument kajian berbentuk temubual bagi menyelesaikan salah tanggapan dengan lebih berkesan. Ini kerana kaedah temubual mampu memberikan maklumat yang lebih tepat, lengkap dan mendalam dalam menjawab persoalan kajian yang sedang dikaji. Kaedah temubual juga dapat merapatkan hubungan yang baik antara penemubual dengan responden. Hubungan yang baik akan mendapatkan maklumat yang sah dan boleh dipercayai. Kaedah ini sesuai digunakan sebagai semakan maklumat yang terdapat pada soal selidik.

Item-item yang terdapat dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian. Bahagian-bahagiannya adalah seperti berikut:

Bahagian A: Mengandungi 3 soalan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, tempat/ daerah latihan mengajar, bangsa, kursus dan keputusan latihan mengajar. Responden dikehendaki menandakan (/) pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 28 soalan yang berkaitan dengan tahap kepuasan guru pelatih UTM terhadap guru pembimbing ketika menjalani latihan mengajar.

## **Kajian Rintis**

Menurut Mohd. Najib (1999), dua perkara yang penting berkaitan instrumen yang perlu dipastikan ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang ingin diukur. Kesahan isi kandungan soal selidik dan temuduga ditentukan hasil dari pembacaan buku Penyelidikan Pendidikan yang ditulis oleh Mohammad Najib Abdul Ghafar.

Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik dan temubual yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga, kajian rintis ini digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik dan temuduga berjalan. Menurut Mohd. Salleh dan Zaidatun (2001), sekiranya nilai pekali tersebut kurang dari 0.6 maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang tidak termasuk dalam sampel kajian. Soal selidik dan soalanbagi temuduga telah disemak untuk menentukan kejelasan item. Ujian kebolehpercayaan ataupun *reliability analysis* telah dijalankan dengan menggunakan Program SPSS dan Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.78 bagi item soal selidik manakala 0.68 bagi item temubual. Nilai ini menunjukkan item-item dalam soal selidik dan temubual mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan.

### Analisis Keseluruhan


Jawapan peratusan untuk keseluruhan kajian ini telah diperolehi melalui jumlah purata peratusan bagi setiap tinjauan yang dikaji seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10 di bawah.

**Jadual 3 : Keseluruhan min untuk setiap tinjauan**

| Persoalan kajian  | Min | Tahap     |
|---|-----|-----------|
| Bimbingan guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar. | 3.8 | Tinggi    |
| Penilaian Guru-Guru Pembimbing Semasa Menjalani Latihan Mengajar. | 3.9 | Tinggi    |
| Kerjasama Guru-Guru Pembimbing Semasa Menjalani Latihan Mengajar. | 3.1 | Sederhana |
| Sikap Guru-Guru Pembimbing Semasa Menjalani Latihan Mengajar.     | 3.9 | Tinggi    |

Berdasarkan jadual tersebut, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan responden memberikan nilai yang positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing semasa latihan mengajar, jumlah min untuk item-item yang dikemukakan ini ialah 3.8 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Disamping itu, penilaian guru pembimbing terhadap guru pelatih dan sikap guru pembimbing terhadap guru pelatih adalah positif iaitu masing-masing mempunyai jumlah min sebanyak 3.9 yang mana berada tahap yang tinggi juga. Namun begitu, tahap kepuasan guru pelatih terhadap kerjasama guru pembimbing menunjukkan jumlah min sebanyak 3.1 iaitu berada tahap kepuasan yang sederhana.

### Perbincangan



**Rajah 1 : Nilai min tentang tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap penilaian guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.**


Berdasarkan Rajah 1, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap penilaian guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar adalah memuaskan. Ini terbukti apabila min keseluruhannya adalah tinggi iaitu 3.90. Ini bermakna guru

pelatih UTM berpuas hati dengan penilaian yang dilakukan ke atas guru-guru pelatih semasa latihan mengajar.

Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap cara penyampaian, penggunaan bahan bantu mengajar dan aktiviti- aktiviti yang dijalankan di dalam kelas adalah aspek penting yang di nilai semasa latihan mengajar. Ini dapat dilihat dari nilai min yang diperolehi daripada item 10,11 dan 14 iaitu sebanyak 4.1. Penilaian terhadap kelancaran bahasa, pengetahuan sedia ada dan teknik yang digunakan dalam menerangkan sesuatu pengajaran juga memperoleh nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.0. Ini membuktikan bahawa penilaian yang dijalankan ke atas guru pelatih adalah memuaskan. Data yang diperolehi menunjukkan responden bersetuju dengan item yang dikemukakan. Penilaian yang seimbang ini dapat meningkatkan lagi prestasi guru pelatih semasa latihan mengajar. Ini disokong oleh Hamdan (2000) yang menyatakan bahawa penilaian berterusan dapat mengenalpasti tahap penguasaan pelajar supaya kelemahan pelajar segera dapat diatasi dan tidak terhimpun sehingga di akhir pembelajaran. Penilaian juga tidak hanya tertumpu kepada bidang akademik sahaja tetapi merangkumi aspek-aspek jasmani, rohani dan emosi untuk memastikan matlamat FPK itu tercapai.

Kebanyakan responden juga berpuas hati terhadap penilaian cara penulisan di dalam buku perancangan pengajaran. Ini dapat dibuktikan dengan nilai min yang diperolehi sebanyak 3.8. Penilaian yang dijalankan dapat membantu guru pelatih mengetahui kelemahan pada diri mereka dan mencari jalan penyelesaian bagi membantu mengatasi kelemahan tersebut. Ini juga disokong oleh Gage dan Berliner (1991) dimana penilaian adalah aktiviti khusus dan sebahagian akauntabiliti pendidikan di mana para pendidik bertanggungjawab ke atas kejayaan usaha mereka.

Namun penilaian teguran terhadap personaliti dan cara pemakaian memperoleh nilai min yang sederhana iaitu sebanyak 3.0. Ini menunjukkan guru pembimbing kurang memberi perhataan terhadap cara personaliti guru pelatih semasa berada di sekolah malah cara pemakaian guru pelatih tidak diambil peduli. Guru pembimbing mungkin berpendapat guru pelatih perlu tahu sendiri apa yang perlu dibuat, dipakai dan apa yang tidak patut dibuat dan tidak perlu dipakai.



**Rajah 2 : Nilai min tentang tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap kerjasama guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.**

Berdasarkan Rajah 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan guru-guru pelatih terhadap kerjasama guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar adalah

berada pada tahap yang sederhana. Ini dapat dilihat daripada jumlah keseluruhan nilai min yang diperolehi iaitu 3.1 iaitu berada pada tahap yang sederhana. Ini bermakna guru-guru pelatih kurang berpuas hati terhadap kerjasama yang diberikan oleh guru-guru pembimbing semasa menjalani latihan mengajar.

Berdasarkan daripada dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa guru-guru pembimbing kurang memberikan kerjasama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sampingan ke atas para pelajar. Ini dapat dilihat daripada jumlah min yang diperolehi cuma 2.1. Ini bermakna kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Malah guru-guru pembimbing juga kurang memberikan kerjasama dalam mendapatkan contoh-contoh soalan yang lepas bagi tujuan ulangkaji. Ini dapat dibuktikan dengan nilai min yang diperolehi sebanyak 2.6.

Kebanyakan sekolah-sekolah teknik pada masa kini menggunakan komputer dalam penyampaian pengajaran. Namun guru pembimbing kurang memberikan kerjasama dalam menyediakan penggunaan komputer riba dan projektor. Pernyataan ini diperolehi daripada nilai min yang diperolehi sebanyak 2.7. Bahkan guru pembimbing juga kurang memberikan kerjasama dalam membantu menggunakan Alat Bantu Mengajar yang terdapat di sekolah. Ini menyebabkan guru pelatih terbatas dalam menyampaikan pengajaran kepada para pelajar. Nilai min yang diperolehi sebanyak 2.8 menunjukkan ketidakpuasan guru pelatih terhadap kerjasama yang diberikan oleh guru pembimbing.

Namun guru pembimbing masih memberikan kerjasama dalam melatih guru pelatih menjadi guru pelatih yang berprofesionalisme. Ini dapat dibuktikan daripada nilai min yang diperolehi sebanyak 4.1. Ini menunjukkan responden bersetuju akan pernyataan di atas. Guru pelatih juga bersetuju bahawa guru-guru pembimbing mendapat kerjasama dalam memberikan idea-idea yang berkaitan dengan pengajaran yang ingin disampaikan. Di sini guru-guru pelatih dibantu memahami isi pelajaran yang hendak disampaikan sebelum menyampaikan sesuatu pengajaran kepada para pelajar. Ini dapat dilihat daripada nilai min yang diperolehi bagi item yang dinyatakan sebanyak 3.9. Malah guru pelatih juga mendapat kerjasama dalam membina soalan-soalan ujian. Ini menunjukkan guru pembimbing ingin memastikan soalan-soalan yang akan diedarkan kepada para pelajar selaras dengan aras pengetahuan para pelajar dan bersesuaian dengan pelajaran yang di belajar selama ini. Ini dapat dibuktikan dengan nilai min yang diperolehi sebanyak 3.8.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kesa (1994). "Falsafah dan Konsep Pendidikan." Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Bakar b. Nordin (1986). Asas Penilaian Pendidikan: Kuala Lumpur. Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Blum, M.L dan J.C Naylor (1968). Industrial Psychology. Hs Theoretical & Social Foundations. New York: Herper & Row.
- Cohen,L. & Manion,L. (1989). "Panduan Latihan Mengajar." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1998). "Pendidikan Di Malaysia II (Semester V)." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Esah Sulaiman dan Noraini Mohd Nor (2001). "Isu Profesionalisme Sebagai Guru (Amalan Profesionalisme Melalui Teladan)." Kertas Kerja 4, UTM.
- Farrant, J.S. (1981). "Prinsip Dan Amali Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Hamdan Said dan Nasrudin Talib (2000). "Cabaran Era Globalisasi Ke Atas Warga Pendidikan Di Malaysia." *Jurnal Pendidikan UTM, Fakulti Pendidikan*. Jil 6. 35 – 46.
- Hussein Bin Mahmood (1992). "Guru Baru: Pengurusan Berkesan." Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional ke 2 Pengurusan Pendidikan: Institusi Aminuddin Baki, 20 – 28 November.
- Khoo Cheng (1994). "Matematik Tambahan Tingkatan 4 & 5." Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Korman A.K (1971). *Industrial & Organization Psychology* Eaglewood Clifts, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Locke E.A (1976). *The Nature & Causes of Job Satisfaction* .In. M.V Dunnette (ed). *Handbook of Industrial & Organizational Psychology*, Chicago; Pend McNally, pp. 1297-1350
- Middlemist D.R, M.A Hitt dan C.R. Gree (1983). *Personal Management*: New Jersey: Prentice Hall.
- Mok, Soon Sang dan Lee Shok Mee (1991). "Pedagogi 2, Perlaksanaan Pengajaran." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Noor Azlan Ahmad Zanzali, Zulkifli Mohamed & Meor Ibrahim Kamaruddin (1988). "Pengaruh Pengetahuan Pengajaran Terhadap Pengajaran Guru-guru Pelatih." Kertaskerja dibentangkan dalam bengkel Latihan Mengajar antara Universiti ke Lima. Universiti Pertanian Malaysia. 16 –17 Disember.
- Norman E. Gronlund. (1985). *Measurement and Evaluation In Teaching*: New York. MacMillan Publishing Company.
- N.L Gage dan David Berliner (1991). USA. Houghton Mifflin Company.
- Preffer J.M (1978). *The Supervision of Personnel* (2<sup>nd</sup>) E.D: New York. Prentice Hall.
- Sufean Hussin (1996). "Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Stones, E. (1972). "Educational Objectives and the Teaching of Educational Psychology." London: Methuen & Co. Ltd.
- Tajul Ariffin Noordin (1990). "Pendidikan Suatu Pemikiran Semula." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vroom V.H (1964). *Work & Motivation* New York: John Willey & Sons Inc.
- Wittrock, M.C. (1986). "Handbook of Research on Teaching." 3<sup>rd</sup> . ed. New York: Macmillan.